

UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

**SYARAT – SYARAT KELAYAKAN BUKAN AKADEMIK
IKLAN JAWATAN KOSONG
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

BIL.	JAWATAN	SYARAT KELAYAKAN
1.	PELUKIS PELAN (SENI BINA) GRED JA19 RM 1,337.00 - RM 4,052.00	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:- 1) Warganegara Malaysia; 2) Pemohon hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan. 3) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan Kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual, Lukisan Geometri atau Lukisan Kejuruteraan pada peringkat peperiksaan tersebut. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA19: RM1,377.00); atau (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA19: RM1,435.12) (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA19: RM1,493.24)

		SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU 4) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. PERGERAKAN GAJI TAHUNAN 5) Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatic dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
--	--	---

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan adalah mengikut skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa.

IMBUHAN DAN ELAUN BERKAITAN (BERDASARKAN GRED GAJI)

Antara Imbuhan yang diberikan adalah termasuk Imbuhan Tetap Perumahan/Imbuhan Tetap Khidmat Awam dan lain-lain elaun yang berkuatkuasa.

TARAF JAWATAN

Penyandang akan dilantik secara **Kontrak**.

SYARAT KEWARGANEGARAAN DAN UMUR (PADA TARIKH TUTUP IKLAN)

Pemohon hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia dan calon-calon lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan dan tidak melebihi 54 tahun pada tarikh lantikan, manakala bagi bekas tentera/polis hendaklah tidak melebihi 45 tahun.

SYARAT-SYARAT UMUM

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat Skim Perkhidmatan Awam berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa. Pemohon-pemohon yang mempunyai Ijazah Luar Negara hendaklah menyertakan surat pengesahan pengiktirafan ijazah dari Unit Dasar dan Pengiktirafan, Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam (Malaysia).